

# 1 Syawal di kampus

## Pelajar berdikari rai Aidilfitri di IPT

Oleh Khairina Yasin  
kayrina@bharian.com.my

**B**AIT lagu Balik Kampung kini saban hari bergema di corong radio sekali gus mengingatkan kita mengenai keseronokan balik beraya di kampung.

Esok Syawal bakal menjelma dan warga kota termasuk mahasiswa institusi pengajian tinggi (IPT) kini mula menjejak kampung masing-masing demi memastikan mereka dapat menyambut hari mulia ini bersama keluarga tersayang.

Hakikatnya, tidak semua mahasiswa beruntung kerana ada yang terpaksa menelan kepahitan beraya tanpa keluarga dan saudara-mara sehingga terpaksa membawa haluan sendiri untuk mengubat kesedihan dan kerinduan mereka.

Sebahagian besar mahasiswa terbabit adalah dari Sabah dan Sarawak, namun, bagi mereka pengalaman menjalani ibadat puasa dan menyambut Aidilfitri di rantau orang, jauh daripada kemeriahan di kampung halaman sedikit sebanyak memberi pengajaran dan membuatkan mereka insaf.

Bagi Siti Hajar Ramli yang berasal dari Pending, Kuching Sarawak, menyambut hari lebaran di perantauan memang menerbitkan rasa sedih, namun ia hanya sementara saja.

Bagaimanapun, mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), itu mengakui takbir raya mengi-



**“**Biarpun sentiasa rindukan keluarga, lebih-lebih lagi apabila takbir bergema, perasaan itu terpaksa diketepikan demi pengajian selain keperluan untuk menyimpan wang bagi menampung pengajian”

**Dora Fernandez Mohd Farid Fernandez**  
Pelajar Ijazah Sains  
Perniagaan Tani, UPM

ngatkannya kepada kampung halaman terutama pada ayah dan ibu serta saudara-mara.

Bagaimanapun, katanya

kerinduan itu dapat dikawal berkat keramahan dan budi baik rakan lain yang sama-sama menuntun di menara gading terutama rakan serumah serta sekuliah.

Siti Hajar yang sudah empat tahun tidak beraya bersama keluarganya di Pending, menyifatkan dirinya bertuah kerana dikelilingi rakan yang begitu memahaminya.

“Rakan yang memahami sama dengan ahli keluarga sendiri ketika berada di perantauan, ini menjadikan kerinduan terhadap keluarga pada pagi lebaran terubati. Ada kalanya saya menurut ajakan rakan untuk sama-sama beraya bersama keluarga mereka di kampung.

“Saya juga perlu sedar, kedatangan ke sini dengan menyebarkan Laut China Selatan adalah untuk menuntun ilmu, oleh itu, pengorbanan perlu termasuk sanggup berhari raya di perantauan,” katanya.

Mahasiswa Ijazah Sains Perniagaan Tani, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dora Fernandez Mohd Farid Fernandez pula mengakui suasana sambutan Aidilfitri bagaikan tiada makna tanpa keluarga di sisi.

Dora yang pernah beraya tanpa keluarga ketika menuntun di UPM kampus Bintulu empat tahun lalu berkata, beliau terpaksa menyimpan kerinduan kepada keluarga demi mengejar cita-citanya dalam pelajaran.

Katanya, biarpun sentiasa rindukan keluarga, lebih-lebih

lagi apabila takbir bergema, perasaan itu terpaksa diketepikan demi pengajian selain keperluan untuk menyimpan wang bagi menampung pengajian.

Bagi mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi, USIM, Nurfaiza Dorman, pula perbelanjaan untuk pengajian perlu diutamakan, justeru beliau harus bijak menguruskan wang pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

“Demi cita-cita, sebagai mahasiswa yang datang dari jauh, saya perlu berkorban dengan mengetepikan seketika semangat untuk menyambut lebaran di kampung halaman.

“Lagipun, banyak wang diperlukan untuk tujuan pembelajaran daripada membelanjakannya semata-mata untuk pulang beraya. Itulah pengorbanan yang perlu dibayar apabila belajar jauh dari kampung,” katanya yang berasal dari Kampung Bubul Lama, Semporna Sabah.

Sementara itu, Pegawai Bahagian Hal Ehwah Pelajar, USIM, Zaharah Zainal Abidin berkata, setiap tahun universiti mengatur aktiviti bagi mahasiswa khususnya dari Sabah, Sarawak dan antarabangsa yang tidak pulang beraya.

Katanya, maklumat dikumpul dari setiap kolej kediaman bagi mengenal pasti jumlah mahasiswa yang tidak pulang beraya bagi membolehkan



**“**Rakan yang memahami sama dengan ahli keluarga sendiri ketika berada di perantauan, ini menjadikan kerinduan terhadap keluarga pada pagi lebaran terubati”

**Siti Hajar Ramli**  
Pelajar Ijazah Sarjana Muda  
Bahasa Arab dan Komunikasi,  
USIM

kan pihak universiti menguruskan aktiviti untuk mereka.

“Kita prihatin dengan nasib mahasiswa ini dan mengatur aktiviti bagi memastikan mereka juga berpeluang mengalami kemeriahan Syawal biarpun tanpa keluarga di sisi.

“Kebiasaannya, program beraya bersama pengurusan universiti diadakan dengan



**“**Demi cita-cita, sebagai mahasiswa yang datang dari jauh, saya perlu berkorban dengan mengetepikan seketika semangat untuk menyambut lebaran di kampung halaman”

**Nurfaiza Dorman**  
Pelajar Ijazah Sarjana Muda  
Bahasa Arab dan Komunikasi,  
USIM

membawa mereka beraya di rumah Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor atau mana-man pengurusan universiti.

“Di kampus pula, kita turut menyediakan jamuan ringkas Aidilfitri selepas solat Aidilfitri dan masing-masing berpeluang merasai juadah dan kemeriahan pada pagi raya,” katanya.